

## Berita Harian



Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JBPM, Datuk Soiman Jahid (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada rumah orang-orang tua sempena Majlis Latihan dan Program Pengukuhan Pemantapan Jati Diri dan Khidmat Sosial Cawangan Pengurusan Kewangan JBPM. - NSTP/Muhammad Zulsyamini Sufian Suri

### **JBPM ditugaskan Ops Selamat sempena Tahun Baharu Cina**

IPOH: Seramai 8,000 pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan ditugaskan memantau 'Ops Selamat' sempena perayaan Tahun Baru Cina.

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JBPM, Datuk Soiman Jahid, berkata, tugas bermula Jumaat ini hingga Rabu depan itu menyasarkan di kawasan yang kerap berlaku kemalangan khususnya di jalan serta lebuh raya utama di seluruh negara.

Katanya, biarpun operasi bersepadu berkenaan sudah mula dijalankan agensi lain termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), 'kelewatan' pihak bomba bersiap sedia disebabkan tumpuan diberikan terhadap di premis perniagaan dan bangunan kerap dikunjungi ramai.

"Keperluan anggota ditempatkan di lokasi jalan terbabit selepas memperoleh maklumat dari Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika Majlis Latihan dan Program Pengukuhan Pemantapan Jati Diri dan Khidmat Sosial Cawangan Pengurusan Kewangan JBPM, di Rumah Orang-orang Tua Ikhtiar Selesa Villa, di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan Pengarah JBPM negeri, Mohd Zaki Omar.

Soiman berkata, program usahasama pihaknya bersama Jawatankuasa Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihaknya kepada penghuni rumah itu.

Program itu membabitkan aktiviti gotong-royong mengecat, membersihkan persekitaran, sokongan moral, demonstrasi memadam api dan penyampaian sumbangan keperluan kepada pengurusan rumah berkenaan yang membabitkan anggota dari tiga Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) sekitar Ipoh.

"Ini adalah antara usaha murni khususnya dari JBPM bagi menunjukkan keprihatinan terhadap golongan berusia yang kurang berkemampuan," katanya.